



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

PANDUAN PENGANUGERAHAN SIJIL AKADEMIK SECARA AEGROTAT DAN ANUMERTA DI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

1.0 PENGENALAN

Panduan Ringkas Penganugerahan Sijil Akademik Secara Aegrotat dan Anumerta di Politeknik dan Kolej Komuniti merupakan dokumen rujukan bagi pelaksanaan penganugerahan sijil akademik kepada pelajar yang tidak dapat menamatkan pengajian disebabkan **hilang upaya kekal semasa dalam pengajian atau meninggal dunia**, tetapi **telah memenuhi sebahagian besar syarat penganugerahan**.

2.0 TUJUAN

Tujuan penganugerahan sijil akademik secara Aegrotat dan Anumerta adalah untuk memberikan pengiktirafan dan penghormatan kepada pelajar berdasarkan usaha dan komitmen yang telah dilakukan semasa sihat atau sewaktu hayatnya untuk mengikuti pembelajaran dan penilaian yang ditetapkan serta kejayaan menamatkan sebahagian pengajiannya dengan keputusan baik. Ia merupakan satu penganugerahan sijil akademik **tanpa pengkelasan** bagi program pengajian yang diikuti oleh pelajar sebelum hilang upaya kekal/meninggal dunia.

3.0 DEFINISI

Aegrotat bermaksud pemberian status tamat dan penganugerahan akademik tanpa pengkelasan kepada pelajar yang tidak menamatkan pengajian kerana **hilang upaya kekal** semasa di dalam pengajian tetapi telah memenuhi sebahagian besar syarat penganugerahan.

Anumerta bermaksud pemberian status tamat dan penganugerahan akademik tanpa pengkelasan kepada seseorang pelajar yang **meninggal dunia** semasa di dalam pengajian tetapi telah memenuhi sebahagian besar syarat penganugerahan.

Hilang upaya kekal bermaksud hilang upaya fizikal atau mental yang berkekalan akibat penyakit atau kemalangan hingga menjejaskan atau mengurangkan upaya seseorang pelajar untuk meneruskan pengajian walaupun dengan bantuan tertentu dan disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar di Hospital Kerajaan. Contoh hilang upaya langsung kekal adalah seperti keadaan berikut:

BIL.	HILANG UPAYA LANGSUNG YANG KEKAL
1	Hilang kedua-dua tangan atau pengudungan di anggota atas
2	Hilang sebelah tangan dan sebelah kaki (buku lali ke bawah)
3	Pengudungan dua anggota di betis atau pengudungan di betis atau paha di sebelah kaki dan hilang kaki (buku lali ke bawah) yang lagi satu
4	Hilang penglihatan sehingga tidak dapat membuat apa-apa aktiviti yang memerlukan penglihatan
5	Cacat parah pada muka
6	Pekak tuli
7	Kecederaan otak yang mengakibatkan lumpuh
8	Menghidap penyakit kritikal yang boleh membawa maut contohnya kanser tahap tinggi, serangan strok atau seumpamanya

(Sumber : Skim Ex-Gratia Bencana Kerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perbendaharaan Malaysia, 2020)

Menurut seksyen 2, **Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008** tafsiran “**orang kurang upaya** termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual, atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”. Akta OKU 2008 diperkenalkan berasaskan konsep hak asasi manusia untuk memastikan hak orang kurang upaya seperti masalah fizikal, penglihatan, pendengaran, percakapan dan masalah pembelajaran turut sama mempunyai hak seperti mana orang normal.

4.0 KAEDAH PENGIKTIRAFAN

Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik/Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti hendaklah berpuas hati akan prestasi akademik pelajar dan mengambil kira lain-lain faktor yang difikirkan sesuai dan relevan. Kaedah pengiktirafan yang boleh dipertimbangkan ialah seperti berikut:

Bil.	Situasi	Penganugerahan	Sijil Akademik
1	HILANG UPAYA KEKAL semasa dalam pengajian.	Penganugerahan secara Aegrotat dalam Majlis Konvokesyen atau melalui kaedah lain yang munasabah mengikut permintaan waris.	Tertera perkataan ' Aegrotat ' pada sijil akademik, manakala transkrip memaparkan keputusan pelajar sehingga yang terakhir.
2	MENINGGAL DUNIA semasa dalam pengajian.	Penganugerahan secara Anumerta dalam Majlis Konvokesyen atau melalui kaedah lain yang munasabah mengikut permintaan waris.	Tertera perkataan ' Anumerta ' pada sijil akademik, manakala transkrip memaparkan keputusan pelajar sehingga yang terakhir.
3	Lulusan hilang upaya kekal atau meninggal dunia setelah MENAMATKAN PENGAJIAN dan telah diperaku oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan/JK Peperiksaan Pusat tetapi sijil akademik belum dianugerahkan kepada lulusan	Lulusan/waris lulusan dianugerahkan sijil akademik sepertimana lulusan lain di dalam Majlis Konvokesyen atau melalui kaedah lain yang munasabah mengikut permintaan waris.	Sijil akademik dan transkrip memaparkan keputusan lulusan sepertimana lulusan lain

* "Lulusan" bermakna pelajar yang telah diperaku untuk dianugerahkan sijil akademik oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik/JK Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti

Penganugerahan Aegrotat/Anumerta ini tidak digunapakai di dalam keadaan pelajar meninggal dunia atau pelajar hilang upaya secara kekal **selepas tamat pengajian dan memenuhi syarat penganugerahan**, tetapi sijil akademik belum dianugerahkan. Pelajar atau waris pelajar boleh dianugerahkan sijil akademik sepertimana pelajar lain di dalam Majlis Konvokesyen atau menerusi kaedah lain.

5.0 SYARAT PENGANUGERAHAN

Penganugerahan akademik secara Aegrotat dan Anumerta adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Berstatus LULUS dengan HPNM bersamaan atau lebih 2.00 pada semester terakhir sebelum kematian atau hilang upaya secara kekal;
- ii. Telah menyempurnakan sekurang-kurangnya **70%** daripada jumlah kredit keseluruhan program pengajian. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran 1**;
- iii. Status terakhir pelajar adalah 'aktif' sebelum kematian atau hilang upaya kekal; dan
- iv. Diperakui oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/ Diploma Politeknik/ Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti;

Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik/Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti boleh mempertimbangkan dengan **kelulusan khas** sekiranya kriteria penganugerahan di atas tidak dipenuhi dengan pertimbangan-pertimbangan lain yang munasabah.

Anugerah Anumerta hendaklah dibuat dalam masa **satu tahun dari tarikh kematian pelajar** tersebut.

6.0 PROSEDUR PERMOHONAN PENGANUGERAHAN ANUMERTA/AEGROTAT

Penganugerahan secara Anumerta dan Aegrotat hendaklah diuruskan oleh institusi terakhir pelajar mengikuti pengajian sebelum dibawa untuk perakuan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/ Diploma Politeknik/ Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti.

Pihak Institusi perlu mendapatkan maklumat lanjut mengenai kematian/hilang upaya kekal dan dokumen berkaitan daripada waris/pihak berkenaan dengan segera sebaik sahaja mendapat makluman mengenainya serta membuat semakan dan memeriksa rekod akademik sama ada pelajar layak untuk ditawarkan penganugerahan secara aegrotat/anumerta.

Institusi membuat permohonan secara online di Portal Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN) atau melengkapkan Borang Permohonan Aegrotat/Anumerta serta menghantar **DOKUMEN SOKONGAN** permohonan yang lengkap ke BPN seperti berikut:

- i. Borang Permohonan Anugerah Aegrotat/Anumerta (**Lampiran 2**)
- ii. Salinan Kad Pengenalan Pelajar
- iii. Salinan Kad Pelajar
- iv. Laporan Perubatan yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar di Hospital Kerajaan yang mengesahkan keilatan/hilang upaya kekal (Permohonan Aegrotat)
- v. Salinan Sijil Kematian (Permohonan Anumerta)
- vi. Laporan Akademik Pelajar
- vii. Lain-lain dokumen (jika ada)
(*Salinan dokumen mestilah disahkan*)

BPN akan memaklumkan permohonan penganugerahan Aegrotat/Anumerta pelajar tersebut dalam Mesyuarat Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik/Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti untuk perakuan penganugerahan.

Ahli Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik/Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti akan mempertimbangkan permohonan penganugerahan samada menolak atau meluluskan permohonan.

Seterusnya BPN akan memaklumkan keputusan penganugerahan kepada pelajar/waris dan kelulusan direkodkan. Jika pelajar/waris bersetuju, persiapan penganugerahan perlu dilaksanakan mengikut kaedah penganugerahan yang dipersetujui bersama dengan keluarga waris/pelajar. Carta Alir Prosedur Pengurusan Permohonan Penganugerahan Sijil Akademik Secara Aegrotat dan Anumerta adalah seperti di **Lampiran 3**.

7.0 PENGANUGERAHAN

Penganugerahan boleh dilakukan di dalam Majlis Konvokesyen Politeknik/Kolej Komuniti di mana pelajar/waris pelajar dibenarkan menerima sijil akademik di atas pentas bersama pelajar lain. Penganugerahan juga boleh disempurnakan di dalam majlis atau perjumpaan tertutup atau melalui kaedah lain yang munasabah mengikut permintaan waris.

7.1 Format Sijil Akademik dan Transkrip

Format sijil akademik iaitu Ijazah, diploma dan sijil yang diberikan akan tertera perkataan “Aegrotat” dan “Anumerta” seperti di **Lampiran 4** dan **Lampiran 5**. Transkrip akan diberikan kepada pelajar atau waris pelajar yang mencatatkan rekod keputusan pengajian yang telah dilalui oleh pelajar sehingga tarikh kematian atau hilang upaya secara kekal.

7.2 Status Sijil Akademik

Sijil akademik yang diberikan adalah berdasarkan pengiktirafan kepada pelajar atau waris pelajar atas usaha yang telah dilakukan semasa hayat/sihat. Sehubungan itu, penganugerahan ini tidak melayakkan penerima berdaftar dengan badan profesional, atau mendapat pengecualian dari keperluan kelayakan profesional serta tidak boleh digunakan untuk melanjutkan pengajian serta tidak sah digunakan untuk tujuan pekerjaan. Penerima sijil juga **tidak akan dikira dalam statistik graduan pelajar** sepenuh masa.

8.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan Penganugerahan Sijil Akademik Secara Aegrotat dan Anumerta di Politeknik dan Kolej Komuniti adalah **terpakai dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024**.

PERKIRAAN STATUS KELAYAKAN PELAJAR (AEGROTAT)

Contoh 1

Seorang pelajar ***Bachelor in Civil Engineering Technology with Honours*** telah mengalami kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya kekal iaitu kecederaan otak yang mengakibatkan lumpuh semasa dalam pengajian di **semester 7**.

Tarikh kemalangan pada 15 April 2024

15 April 2024 (minggu kuliah/minggu ke 8)

Semester	Kredit
Semester 1	19
Semester 2	18
Semester 3	18
Semester 4	17
Semester 5	19
Semester 6	19
Semester 7	16
Semester 8	17
Jumlah Jam Kredit	143

Jumlah jam kredit yang telah diperolehi sehingga semester 6 adalah berjumlah **110 jam kredit**

(Sumber: Programme Information BCT)

Jumlah jam kredit yang diperolehi = 110 jam kredit (6 semester)

Jumlah Jam Kredit keseluruhan = 143 jam kredit

$$= \frac{110}{143} \times 100$$

= **76.9%** (Pelajar layak dianugerahkan Ijazah Aegrotat kerana telah menyempurnakan lebih daripada 70% jam kredit keseluruhan program pengajian)

- Berstatus LULUS dengan HPNM bersamaan atau lebih 2.00 pada semester terakhir sebelum kematian atau hilang upaya secara kekal;
- Telah menyempurnakan sekurang-kurangnya **70%** daripada jumlah kredit keseluruhan program pengajian;
- Status terakhir pelajar adalah 'aktif' sebelum kematian atau hilang upaya kekal; dan
- Diperakui oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/ Diploma Politeknik/ Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti;

Contoh 2

Seorang pelajar **Diploma in Secretarial Science (DSK)** telah mengalami kemalangan yang mengakibatkan hilang penglihatan sehingga tidak dapat membuat apa-apa aktiviti yang memerlukan penglihatan semasa dalam pengajian di semester 5.

Tarikh kemalangan pada 17 Mac 2024

17 Mac 2024 (minggu kuliah/minggu ke 7)

Semester	Kredit
Semester 1	18
Semester 2	17
Semester 3	17
Semester 4	17
Semester 5	14
Semester 6	9
Jumlah Jam Kredit	92

Jumlah jam kredit yang telah diperolehi sehingga semester 4 adalah berjumlah **69 jam kredit**

(Sumber: Programme Information DSK)

Jumlah jam kredit yang diperolehi = 69 jam kredit (4 semester)

Jumlah Jam Kredit keseluruhan = 92 jam kredit

$$= \frac{69}{92} \times 100$$

= **75%** (Pelajar layak dianugerahkan Diploma Aegrotat kerana telah menyempurnakan lebih daripada 70% jam kredit keseluruhan program pengajian)

- Berstatus LULUS dengan HPNM bersamaan atau lebih 2.00 pada semester terakhir sebelum kematian atau hilang upaya secara kekal;
- Telah menyempurnakan sekurang-kurangnya **70%** daripada jumlah kredit keseluruhan program pengajian;
- Status terakhir pelajar adalah 'aktif' sebelum kematian atau hilang upaya kekal; dan
- Diperakui oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/ Diploma Politeknik/ Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti;

Contoh 3

Seorang pelajar **Sijil Dandan Rambut (SDR)** telah mengalami kemalangan yang mengakibatkan hilang upaya kekal iaitu pengudungan paha di sebelah kaki semasa dalam pengajian di semester 4.

Tarikh kemalangan pada 15 April 2024

15 April 2024 (minggu kuliah/minggu ke 12)

Semester	Kredit
Semester 1	18
Semester 2	17
Semester 3	17
Semester 4	8
Jumlah Jam Kredit	60

Jumlah jam kredit yang telah diperolehi sehingga semester 3 adalah berjumlah **52 jam kredit**

(Sumber: Maklumat Program SDR)

Jumlah jam kredit yang diperolehi = 52 jam kredit (3 semester)

Jumlah Jam Kredit keseluruhan = 60 jam kredit

$$= \frac{52}{60} \times 100$$

= **86.6 %** (Pelajar layak dianugerahkan Sijil Aegrotat kerana telah menyempurnakan lebih daripada 70% jam kredit keseluruhan program pengajian)

- Berstatus LULUS dengan HPNM bersamaan atau lebih 2.00 pada semester terakhir sebelum kematian atau hilang upaya secara kekal;
- Telah menyempurnakan sekurang-kurangnya **70%** daripada jumlah kredit keseluruhan program pengajian;
- Status terakhir pelajar adalah 'aktif' sebelum kematian atau hilang upaya kekal; dan
- Diperakui oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/ Diploma Politeknik/ Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti;

CONTOH PERKIRAAN STATUS KELAYAKAN PELAJAR (ANUMERTA)

Contoh 1

Seorang pelajar **Diploma in Marketing (DPR)** telah **meninggal dunia** pada 4 April 2024 kerana menghidap penyakit kritikal iaitu Kanser Synovial Sarcoma semasa dalam pengajian di **semester 5**.

Tarikh kematian pada 4 April 2024

4 April 2024 (minggu kuliah/minggu ke 9)

Semester	Kredit
Semester 1	16
Semester 2	16
Semester 3	18
Semester 4	18
Semester 5	18
Semester 6	9
Jumlah Jam Kredit	95

Jumlah jam kredit yang telah diperolehi sehingga semester 4 adalah berjumlah **68 jam kredit**

(Sumber: Programme Information DPR)

Jumlah jam kredit yang diperolehi = 68 jam kredit (4 semester)

Jumlah Jam Kredit keseluruhan = 95 jam kredit

$$= \frac{68}{95} \times 100$$

= **71.6%** (Pelajar layak dianugerahkan Diploma Anumerta kerana telah menyempurnakan lebih daripada 70% jam kredit keseluruhan program pengajian)

- Berstatus LULUS dengan HPNM bersamaan atau lebih 2.00 pada semester terakhir sebelum kematian atau hilang upaya secara kekal;
- Telah menyempurnakan sekurang-kurangnya **70%** daripada jumlah kredit keseluruhan program pengajian;
- Status terakhir pelajar adalah 'aktif' sebelum kematian atau hilang upaya kekal; dan
- Diperakui oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/ Diploma Politeknik/ Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti;



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

BORANG PERMOHONAN PENGANUGERAHAN
SIJIL AKADEMIK SECARA AEGROTAT DAN ANUMERTA
DI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

1. MAKLUMAT PERMOHONAN

Nama Pelajar

No. Kad Pengenalan

Nama Institusi

Jenis Permohonan AEGROTAT ANUMERTA

2. MAKLUMAT PENGAJIAN

SEMESTER	KREDIT
Semester 1	
Semester 2	
Semester 3	
Semester 4	
Semester 5	
Semester 6	
Semester 7	
Semester 8	
Jumlah Jam Kredit	

SYARAT PENGANUGERAHAN	
	Berstatus LULUS dengan <u>HPNM bersamaan atau lebih 2.00</u> pada semester terakhir sebelum kematian atau hilang upaya secara kekal;
	Telah menyempurnakan sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah kredit keseluruhan program pengajian;
	Status terakhir pelajar adalah 'aktif' sebelum kematian atau hilang upaya kekal; dan
	Diperakui oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/ Diploma Politeknik/ Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti;

Jumlah jam kredit yang diperolehi = jam kredit

Jumlah Jam Kredit keseluruhan = jam kredit

3. PERAKUAN

Saya dengan ini menyerahkan dokumen permohonan seperti di butiran maklumat di atas bersama-sama dengan dokumen sokongan yang diperlukan.


Disemak Oleh :
(Pegawai Peperiksaan)

Disahkan Oleh :
(Pengarah)

Tarikh :

Tarikh:

CARTA ALIR
PROSEDUR PENGURUSAN PERMOHONAN PENGANUGERAHAN
SIJIL AKADEMIK SECARA AEGROTAT DAN ANUMERTA
DI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI





CONTOH PENGANUGERAHAN DIPLOMA AEGROTAT



PENGANUGERAHAN DIPLOMA ANUMERTA

RUJUKAN

- Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar. (2024). *Buku Panduan Dan Peraturan Am Pelajar Politeknik Dan Kolej Komuniti*. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- Bahagian Hal Ehwal Akademik. (2018). *Polisi Penganugerahan Ijazah/Diploma Secara Aegrotat dan Anumerta*. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Bahagian Peperiksaan dan Penilaian. (2017). *Peraturan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian Kolej Komuniti*. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- Bahagian Peperiksaan dan Penilaian. (2019). *Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian (Diploma)*. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- Bahagian Peperiksaan dan Penilaian. (2020). *Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian (Sarjana Muda)*. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya. (2020). *Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya*. Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia. (2020). *Skim Ex-Gratia Bencana Kerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan*. Kementerian Kewangan Malaysia
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). (2014). *Kategori Orang Kurang Upaya (OKU)*. [Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia - Kategori Orang Kurang Upaya](#)
- UTeM. (2016). *Polisi Penganugerahan Ijazah, Diploma, Sijil dan Kepujian Akademik Lain Secara Aegrotat dan Anumerta*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- UTM. (2016). *Garis Panduan Penganugerahan Ijazah Anumerta*. Universiti Teknologi Malaysia.
- UniSZA. *Polisi Penganugerahan Ijazah, Diploma, Sijil Dan Kepujian Akademik Lain Secara Aegrotat dan Anumerta*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Undang-Undang Malaysia. (2008). *Akta 685 Akta Orang Kurang Upaya 2008*. MDC Publishers Sdn. Bhd.